



## Jangan Berkhilaf

Daripada Ibn Mas'ud RA, Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَخْتَلَفُوا، فَإِنَّ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ اخْتَلَفُوا فَهَلَكُوا.

**Maksudnya:** “Jangan kamu berkhilaf kerana sesungguhnya mereka yang sebelum kamu telah berikhtilaf menyebabkan mereka dalam kebinasaan.”

Riwayat al-Bukhari dalam sahih (5/85) kitab *Khusumat*

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Ikhtilaf pada bahasa ialah tiada sepakat pada sesuatu. Berkata Fairuz al-Abadi ikhtilaf dan *mukhalafah* ialah mengambil setiap orang jalan atau jalan cara lain daripada jalan atau cara orang lain sama ada pada keadaan atau perbuatannya. Khilaf pula lebih umum daripada lawannya kerana setiap orang yang berlawanan adalah berkhilaf sebaliknya bukan setiap yang berkhilaf berlawanan. Khilaf perbezaan pendapat pada istilah fuqaha ialah setiap orang alim berpendapat kepada berlawanan dengan apa yang dikatakan yang lain iaitu lawan kepada *ittifaq* (sepakat). Ibn Faris menyebut tentang khilaf dengan tiga makna iaitu:
  - i. Yang datang sesuatu lepas sesuatu dengan mengambil tempatnya.
  - ii. Menyalahi yang di hadapan atau permulaan.
  - iii. Perubahan.

2. Khilaf menurut pendapat al-Jurjani ialah: Pertelingkahan yang berlaku di antara dua yang bertentangan kerana mentahqiqkan yang hak atau membatalkan yang batil. Ikhtilaf menurut istilah fuqaha bererti berbeza tentang pendapat, agama, jalan-jalan dalam agama dan kepercayaan terhadap sesuatu yang boleh membawa kebahagiaan atau kecelakaan kepada manusia di dunia dan akhirat.
3. Imam al-Syatibi berpendapat khilaf ialah sesuatu yang lahir daripada hawa nafsu yang menyesatkan, bukan hasil daripada mencari objektif syarak dengan mengikut dalil-dalilnya. Oleh itu, ia tidak diambil kira kerana lahir daripada hawa nafsu, sepertimana tidak diambil kira mana-mana pendapat yang menyalahi hukum syarak yang thabit secara qat'ie.
4. Akhirnya pengarang menyebut resolusi Majma' Fiqh di dalam persidangannya kali yang ke 10 di Mekah al-Mukarramah yang bermula pada hari Sabtu 24 Safar 1408H bersamaan dengan 17 Oktober 1987 sehingga kepada hari Rabu 18 Safar 1408H bersamaan 21 Oktober 1987 memutuskan antara lain:
5. Perbezaan mazhab-mazhab fiqh di dalam beberapa masalah mempunyai sebab-sebab ilmiah yang mengandungi hikmah-hikmah yang besar. Antaranya menunjukkan rahmat kepada hamba-hamba Allah dan meluaskan lapangan pengeluaran hukum daripada nas-nas.
6. Di samping itu, ia juga membentuk perbendaharaan perundangan fiqh dan sekali gus meletakkan agama Islam berada di dalam keluasan agama dan syariatnya. Perlaksanaan syariat tidak hanya tertumpu kepada satu aspek sahaja bahkan boleh juga ditumpukan pada aspek lain.
7. Apabila mazhab seorang imam tidak dapat menampung keperluan umat Islam pada waktu tertentu atau di dalam urusan tertentu, mereka akan menemui keluasan dan kemudahan di dalam mazhab yang lain pula, sama ada di dalam urusan ibadah, muamalah, keluarga, kehakiman, jenayah dan lain-lain lagi.
8. Justeru, sayugia bagi kita menjauhkan diri daripada masuk ke lembah kekhilafan yang tercela kerana akibatnya menyebabkan rosaknya kesatuan hati dan diganti dengan dendam kesumat dan hasad dengki yang boleh membawa kepada api permusuhan. Bukan sekadar itu tetapi juga kepada pembunuhan, peperangan, pertumpahan darah dan akibat yang buruk.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** “Ubahlah kerugian-kerugian itu menjadi keuntungan-keuntungan. Buatlah minuman yang manis dari buah lemon. Tambahkan ke dalam air musibah itu gula sepenuh tapak tangan dan sesuaikanlah diri dengan keadaan anda.”
- ❖ **Pujangga berkata:** Kebahagiaan ialah ketika mashaf menjadi teman akrab anda, amalan menjadi kesukaan anda dan rumahmu menjadi tempat untuk menyendiri begitu juga harta simpanan adalah kepuasan diri anda.

### Kisah Teladan

Saad bin Abi Waqqas RA adalah salah seorang dari sahabat Nabi SAW yang dijamin masuk syurga. Dia benar-benar mengetahui bahawa ketaatan itu sangat mempengaruhi doa yang dikabulkan. Rasulullah SAW sendiri pernah mendoakannya agar jika ia berdoa maka Allah SWT akan mengabulkan doanya itu. Semasa perantikan Saad bin Abi Waqqas menjadi gabenor di Kufah, Umar bin al-Khattab pernah mengutus kepercayaannya untuk melihat keadilannya di wilayah yang dipimpinnya itu. Setelah diselidiki, penduduk Kufah memuji keadilan Saad bin Abi Waqqas sebagai pemimpin. Namun ketika mereka yang diutus itu tiba di salah satu masjid yang terletak di sebuah kampung Bani Abbas, ada seorang lelaki berkata kepada mereka: “*Sesungguhnya Saad bin Abi Waqqas tidak adil dalam memutuskan sebuah perkara, tidak adil terhadap rakyatnya dan tidak pernah berinteraksi dengan rakyatnya.*” Di antara utusan itu ternyata Saad bin Abi Waqqas ada di dalamnya, dia mendengar apa yang telah dikatakan oleh lelaki tadi.

Maka Saad berdoa kepada Allah SWT: “*Ya Allah, sekiranya lelaki ini berbuat demikian kerana riak atau ingin menjadi orang yang dikenali, maka jadikanlah matanya buta, panjangkan umurnya dan berikanlah fitnah selalu padanya.*” Akhirnya apa yang didoakan oleh Saad dikabulkan oleh Allah SWT dengan kenyataan lelaki itu menderita kebutaan, panjang umur dan selalu menjadi

bahan ejekan orang ramai di jalan-jalan Kufah. Mereka berkata: *“Itulah akibat perbuatannya, sungguh malangnya dia disebabkan doa dari Saad bin Abi Waqqas.”*

Doa Saad bin Abi Waqqas diterima oleh Allah SWT kerana kedekatannya kepada-Nya, niatnya yang tulus dalam beribadat kepada Allah SWT dan keyakinannya yang teguh terhadap janji-janjinya.

